

**SRI KDU® PRIMARY SCHOOL
JABATAN BAHASA MELAYU****LEMBARAN KERJA PENULISAN C**

Nama: _____ Kelas : 3 _____ Hari: Jumaat Tarikh : 7 Jan 2022

TAJUK KARANGAN : Bertolak Ansur – Buku Teks m/s 64 dan 65

Arahan ; Isi tempat kosong dengan jawapan yang diberi. Tulis jawapan kamu dalam ruang yang disediakan.

koir	pakaian kebangsaan	pelbagai kaum	rumah	persembahan
membantu	mengucapkan	selendang	baju kurung	pentas

Bertolak Ansur

Sekolah Kebangsaan (SK) Gemilang mengadakan sambutan Hari Kebangsaan. Murid-murid Tahun 3 Angsana yang terdiri daripada (1)_____ menyertai persembahan (2)_____.

Murid-murid Tahun 3 Angsana sibuk membuat persiapan. Mereka saling (3)_____ rakan-rakan yang lain tanpa mengira kaum. Mereka memakai (4)_____. Murid lelaki memakai baju Melayu dan murid perempuan pula memakai (5)_____.

Jeeva membuka beg. Dia hendak mengambil sampingnya. Tiba-tiba, muka Jeeva berubah. Jeeva tertinggal samping di (6)_____. Jeeva amat risau kerana dia akan menjejaskan persembahan kumpulannya.

Saiful memberikan sampingnya kepada Jeeva. Kemudian, Jeeva (7)_____ terima kasih dan memakai samping tersebut. Saiful pula menggunakan (8)_____ sebagai samping.

Giliran Kumpulan Koir Kelas Tahun 3 Angsana telah tiba. Mereka menaiki (9)_____ dengan tertibnya. Kumpulan tersebut menyanyikan lagu dengan semangatnya. Mereka sangat bangga kerana dapat membuat (10)_____.